

SULIT



JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH



**PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK (2)  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2010**

21/1

**SEJARAH**

Kertas 1  
Ogos  
1½ jam

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**


1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 31 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[ **Lihat halaman sebelah**

1 Rajah berikut menunjukkan kaedah pengkajian sejarah.



Apakah X?

- A Saintifik
- B Tafsiran
- C Arkeologi
- D Rekonstruksi

2 Senarai berikut merujuk kepada petempatan masyarakat Zaman Prasejarah di Malaysia.

- Gua Harimau, Perak
- Changkat Menteri, Perak
- Sungai Tembeling, Pahang

Apakah kegiatan masyarakat di petempatan tersebut?

- A Meneroka hutan
- B Mencipta alatan besi
- C Membuat tembikar
- D Mengukir barangan perak

[ Lihat halaman sebelah

**SULIT**

3. Jadual berikut merujuk kepada gelaran yang digunakan oleh pemerintah kerajaan Funan.

Pemerintah	Gelaran
Raja Kaundinya	Kurung Bnam

Mengapakah beliau menggunakan gelaran tersebut?

- A Tanda kesucian
  - B Lambang warisan
  - C Asas kepercayaan
  - D Simbol kekuasaan
4. Dialog di bawah mungkin berlaku semasa Parameswara memerintah Melaka.

<p>Pembesar : Tuanku, demi menjamin perdagangan di Melaka, keselamatan perairan negeri perlu dijaga.</p> <p>Parameswara : Baiklah, kita tugaskan Orang Laut untuk menjalankan tugas tersebut.</p>
---

Mengapakah Orang Laut dipilih untuk melaksanakan tugas tersebut?

- A Memiliki semangat taat setia
  - B Mempunyai peralatan moden
  - C Menunjukkan kepimpinan cemerlang
  - D Mendapat sokongan rakyat tempatan
5. Pernyataan berikut menggambarkan kesibukan pelabuhan Melaka pada abad ke-15.

<p>“ Maka segala dagang atas angin dan bawah angin sekeliannya datang ke Melaka; terlalu ramai bandar Melaka pada zaman itu ”</p>
---

Sumber: Sejarah Melayu

Apakah faktor yang membawa kepada keadaan tersebut?

- A Kepelbagaian budaya
- B Kedudukan strategik
- C Kemajuan persuratan
- D Kekayaan hasil bumi

[ Lihat halaman sebelah

- 6 Pernyataan berikut menerangkan perkembangan yang berlaku di Melaka pada kurun ke-16.

Pedagang asing mulai meninggalkan pelabuhan Melaka dan berdagang ke pelabuhan Aceh, Patani, Bantam dan Brunei.

Mengapakah berlaku keadaan sedemikian?

- A Cukai tinggi
  - B Kemudahan kurang
  - C Berlaku perebutan takhta
  - D Ancaman lanun berleluasa
- 7 Peta berikut menunjukkan antara wilayah yang menerima Islam daripada kerajaan Melaka pada kurun ke-15.



Bagaimanakah kerajaan Melaka menyebarkan Islam ke wilayah tersebut?

- A Penaklukan
- B Perkahwinan
- C Pendakwahan
- D Perdagangan

[ Lihat halaman sebelah


8 Jadual berikut menunjukkan tindakan Sultan Melaka terhadap Portugis.

Tahun	Peristiwa
1510	Sultan Mahmud Shah menolak tuntutan pembebasan tawanan oleh Alfonso de Albuquerque

Apakah kesan peristiwa tersebut kepada Melaka?

- A Perjanjian damai dimeterai
- B Kehilangan kedaulatan negeri
- C Pemansuhan bayaran ganti rugi
- D Kemerossotan bidang persuratan

9 Garis masa berikut merujuk kepada peristiwa kejatuhan Melaka ke tangan Portugis,




Apakah iktibar daripada peristiwa tersebut?

- A Bersatu membina negara
- B Berani dalam membuat tindakan
- C Bertolak ansur terhadap pendatang
- D Berbangga dengan warisan budaya

[ Lihat halaman sebelah

- 10 Peta berikut menunjukkan tempat-tempat yang pernah dijadikan pusat pentadbiran kerajaan Johor.



Mengapakah pusat pentadbiran tersebut berubah-ubah?

- A Memajukan perdagangan
  - B Menerima ancaman musuh
  - C Memperkemas pentadbiran
  - D Membangunkan kawasan pedalaman
- 11 Pada tahun 1901, Long Muhammad mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Muhammad I. Bagaimanakah baginda mengekalkan kedaulatan negeri Kelantan?
- A Membina kubu pertahanan
  - B Memantapkan sistem pentadbiran
  - C Menjalin hubungan dengan Siam
  - D Mendapatkan bantuan dari Terengganu

[ Lihat halaman sebelah

**SULIT**

12 Perbilangan berikut berkaitan dengan Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Bulat anak buah menjadi buapak  
Bulat buapak menjadi lembaga  
Bulat lembaga menjadi penghulu  
Bulat penghulu menjadi raja

Apakah rumusan yang dapat dibuat berdasarkan perbilangan tersebut?

- A. Pewarisan takhta
- B. Penurunan kuasa
- C. Pemerintahan autokrasi
- D. Pengamalan demokrasi

13 Maklumat berikut merupakan undang-undang adat yang diamalkan di negeri-negeri Melayu.


- Adat Temenggung
- Adat Perpatih

Apakah ciri persamaan undang-undang tersebut?

- A. Kewarganegaraan
- B. Kepelbagaian budaya
- C. Perwarisan harta pusaka
- D. Penguasaan perdagangan

[ Lihat halaman sebelah

14 Rajah berikut menerangkan undang-undang adat masyarakat Kadazandusun di Sabah.



Mengapakah undang-undang tersebut diamalkan?

- A Menjamin kesejahteraan hidup
- B Menghormati roh nenek moyang
- C Melaksanakan tuntutan agama
- D Memberi pembalasan

15 Ilustrasi berikut menunjukkan tarian Sumazau etnik Kadazandusun di Sabah.



Bilakah tarian tersebut dipersembahkan?

- A Menyambut pesta menuai
- B Menyambut kelahiran bayi
- C Merasmikan rumah panjang
- D Meraikan kepulangan pahlawan

[ Lihat halaman sebelah

16 Dialog berikut mungkin diucapkan oleh Sultan Abdullah dengan pembesarnya pada kurun ke-18.



Apakah kesan daripada tindakan baginda tersebut?

- A Kedah menjadi jajahan British
- B British berkuasa di Pulau Pinang
- C Perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani
- D Pengambilan Singapura melalui tipu muslihat

17 Maklumat berikut merupakan antara syarat Perjanjian Burney 1826.

- British mengiktiraf ketuanan Siam terhadap Kedah
- Siam mengiktiraf pendudukan British di Pulau Pinang

Apakah kesan perjanjian tersebut kepada Kedah?

- A Sultan hilang takhta
- B Pelabuhan baru dibuka
- C Kerabat diraja memberontak
- D Perdagangan antarabangsa merosot

[ Lihat halaman sebelah

**SULIT**

18 Rajah berikut menunjukkan faktor pembukaan Singapura oleh Stamford Raffles.



Apakah X?

- A Mengeksploitasi hasil bumi
- B Menyekat kemaraan Perancis
- C Mewujudkan pusat pengumpulan barang
- D Menyaingi pelabuhan Belanda di Betawi

19 Peta berikut menunjukkan negeri-negeri Melayu yang dikuasai oleh British pada kurun ke-19.



Mengapakah negeri-negeri tersebut dikuasai oleh British?

- A Prasarana lengkap
- B Tenaga buruh ramai
- C Tanah pertanian subur
- D Kaya dengan hasil bumi

[ Lihat halaman sebelah

**SULIT**

20 Gambar berikut menunjukkan pemimpin di negeri Melayu pada kurun ke-19.



Dato' Kelana



Raja Abdullah

Apakah persamaan tokoh tersebut ?

- A Meminta bantuan British
- B Memajukan bidang pertanian
- C Membawa masuk buruh India
- D Menggubal perlembagaan negeri

21 Jadual berikut menunjukkan peristiwa di negeri Melayu yang membuka peluang kepada campur tangan British.

Negeri	Peristiwa
Perak	Perebutan takhta
Selangor	Perang saudara
Negeri Sembilan	Perbalahan pembesar

Apakah pengajaran yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut?

- A Bertoleransi antara kaum
- B Bekerjasama dengan kuasa luar
- C Bersyukur dengan kekayaan negeri
- D Bersatu padu demi kestabilan negara

[ Lihat halaman sebelah

- 22 Maklumat berikut menerangkan keadaan yang membawa kepada kekacauan di Perak pada kurun ke-19.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Perebutan takhta di kalangan kerabat diraja</li><li>• Pergaduhan antara pelombong Cina</li></ul> |
|--|

Bagaimanakah kekacauan tersebut diselesaikan?

- A Sistem perwarisan takhta diperkenalkan
  - B Pembahagian kawasan pengaruh dibuat
  - C Perjanjian Pangkor ditandatangani
  - D Majistret dan Pemungut hasil ditempatkan
- 23 Jadual berikut menunjukkan perubahan pentadbiran British di negeri-negeri Melayu.


Pentadbiran British di Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang	
1874 Sistem Residen	1896 Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

Mengapakah perubahan tersebut dilakukan pada tahun 1896?

- A Mengukuhkan kuasa sultan
- B Menyeragamkan pentadbiran
- C Menyekat perluasan kuasa Barat
- D Mengawal kuasa Residen Jeneral

[ Lihat halaman sebelah

24 Garis masa berikut menunjukkan perjanjian yang ditandatangani antara British dengan Siam.



Mengapakah perjanjian tersebut dimeterai?

- A. Mengehendkan kuasa sultan Melayu
- B. Mengawal kuasa penasihat
- C. Mengeksploitasi ekonomi negeri
- D. Menyekat kemaraan kuasa Barat

25 Jadual berikut menunjukkan tindakan pembesar Johor untuk mengekalkan kedaulatan negeri.

Tokoh	Tindakan
Dato' Jaafar bin Muhammad	Mewajibkan pegawai British memakai pakaian rasmi kerajaan Johor
Dato' Abdul Rahman bin Andak	Mengawal hubungan luar Johor dengan British
Dato' Muhammad Salleh bin Perang	X

Apakah X?

- A. Melukis peta pembangunan negeri
- B. Menggubal perlembagaan bertulis
- C. Memartabatkan bahasa Melayu
- D. Menubuhkan Jabatan Kerja Raya

[ Lihat halaman sebelah

[ Lihat halaman sebelah

SULIT

SELESAI

26 Jadual di bawah menunjukkan pemerintah negeri-negeri Melayu.

Tokoh	Negeri
Sultan Zainal Abidin III	Terengganu
Sultan Abu Bakar	Johor

Bagaimanakah mereka berusaha mengekalkan kedaulatan negeri?

- A Mempelopori amalan demokrasi
- B Menggubal perlembagaan negeri
- C Memantapkan pendidikan rakyat
- D Menjalin hubungan diplomatik

27 Peristiwa berikut berlaku di Sarawak pada kurun ke-19.

Datu Patinggi Ali dan masyarakat Bidayuh telah menentang pemerintahan Pangeran Indera Mahkota di Sarawak.

Mengapakah berlaku peristiwa tersebut?

- A Cukai membebankan
- B Hasutan pelabur asing
- C Larangan memburu binatang
- D Petempatan dimusnahkan

[ Lihat halaman sebelah

28 Jadual berikut menunjukkan dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh keluarga Brooke di Sarawak.

Kaum	Bidang pekerjaan
Melayu	Pentadbiran
Cina	Perdagangan
Iban	Ketenteraan

Apakah kesan pelaksanaan dasar tersebut?

- A Meningkatkan taraf hidup
- B Mewujudkan perpaduan kaum
- C Mengukuhkan kedudukan pemerintah
- D Mempelbagaikan kemahiran penduduk

29 Maklumat berikut menerangkan masalah yang dihadapi oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah.

- Kewangan
- Kekurangan pegawai Eropah

Bagaimanakah SBUB menyelesaikan masalah tersebut?

- A Mengurangkan gaji kakitangan
- B Melibatkan pemimpin tempatan
- C Membawa masuk pekerja luar
- D Menyekat kemasukan imigran

[ Lihat halaman sebelah

30 Peta berikut menunjukkan pembinaan landasan kereta api di Sabah oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB).



Apakah kesan daripada pembinaan landasan tersebut ?

- A Penduduk berhijrah ke bandar
- B Taraf hidup peribumi meningkat
- C Tanah pertanian baru dibuka
- D Budaya asing tersebar luas

[ Lihat halaman sebelah

- 31 Dialog di bawah berkaitan dengan sistem pendidikan di Sabah semasa pemerintahan Syarikat Borneo Utara British (SBUB).



Apakah nama sekolah yang dimaksudkan dalam dialog tersebut?

- A Sekolah Latihan
  - B Sekolah St. Mary
  - C Sekolah Melayu
  - D Sekolah Bumiputera
- 32 Maklumat berikut menerangkan cara kemasukan buruh luar ke Tanah Melayu semasa penjajahan British.

- Sistem Kontrak
- Sistem Kangani

Apakah kesan pelaksanaan sistem tersebut?

- A Perpaduan kaum erat
- B Pendapatan peribumi meningkat
- C Pelaburan modal tempatan bertambah
- D Pembentukan masyarakat berbilang kaum

[ Lihat halaman sebelah

33 Tokoh berikut telah menentang British di Pahang pada kurun ke-19,




Dato' Bahaman

Mengapakah beliau bertindak sedemikian?

- A Balai polis dibina
- B Adat resam dicabuli
- C Peraturan tanah diperkenalkan
- D Amalan perhambaan dihapuskan

34 Rajah berikut menerangkan rundingan yang berlaku di Negeri Sembilan.



Apakah kesan rundingan tersebut kepada Yamtuan Antah?

- A Diberi pencen bulanan
- B Mendapat hak mengutip cukai
- C Menerima bantuan ketenteraan
- D Diiktiraf sebagai Yamtuan Seri Menanti

[ Lihat halaman sebelah

35 Senarai berikut adalah tokoh nasionalis berpendidikan Inggeris di Tanah Melayu.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Dato' Onn Jaafar</li><li>• Ibrahim Hj Yaacob</li><li>• Mohammad Eunos Abdullah</li></ul> |
|--|

Bagaimanakah mereka berjuang untuk membangkitkan kesedaran kebangsaan?

- A Mendirikan madrasah
- B Menubuhkan persatuan
- C Menggubal undang-undang
- D Mempelopori gerakan Islah

36 Maklumat berikut menerangkan dasar pemerintahan Jepun di Tanah Melayu.


Dasar Penjepunan
<ul style="list-style-type: none"><li>• Nippon-Go sebagai bahasa pengantar</li><li>• Kimigayo dinyanyikan setiap pagi di sekolah</li><li>• Cuti umum sempena hari perayaan Jepun</li></ul>

Mengapakah Jepun melaksanakan dasar tersebut?

- A Membentuk perpaduan kaum
- B Menjamin kebajikan rakyat
- C Memupuk kesetiaan kepada maharaja
- D Mewujudkan kepelbagaian budaya

[ Lihat halaman sebelah

37 Rajah berikut menerangkan dasar ekonomi yang diperkenalkan di Tanah Melayu.



Apakah X?

- A Niaga
- B Pasaran
- C Kawalan
- D Sara diri

38 Pentadbiran Tentera British (PTB) diperkenalkan pada bulan September 1945 untuk melaksanakan pentadbiran peralihan di Tanah Melayu.

Mengapakah pentadbiran tersebut diperkenalkan?

- A Mengusir tentera asing
- B Memulihkan keamanan
- C Membentuk kerajaan sendiri
- D Mengukuhkan kedudukan sultan

39 Senarai berikut adalah tujuan British melakukan perubahan dasar di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

- Mewujudkan pentadbiran yang seragam
- Mengurangkan kuasa politik orang Melayu
- Menjamin penguasaan ekonomi berterusan

Bagaimanakah British berusaha mencapai tujuan tersebut?

- A Membentuk Persekutuan Malaysia
- B Melaksanakan Sistem Ahli
- C Menubuhkan Malayan Union
- D Memperkenalkan Pentadbiran Tentera British

[ Lihat halaman sebelah


40 Jadual berikut berkaitan ciri Malayan Union.

Pentadbiran Malayan Union	
Ketua pentadbiran	Gabenor British
Kuasa di peringkat pusat	Parlimen British
Kuasa di peringkat negeri	Persuruhjaya Negeri

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat?

- A Penjajahan secara mutlak
- B Pembentukan negara republik
- C Pengaruh komunis dibendung
- D Persekutuan Tanah Melayu ditolak

41 Rajah berikut menunjukkan perubahan pentadbiran di Tanah Melayu.



Mengapakah British melaksanakan perubahan tersebut?

- A Melonggarkan syarat kerakyatan
- B Mengamalkan prinsip demokrasi
- C Menjalankan dasar dekolonisasi
- D Memupuk perpaduan kaum

[ Lihat halaman sebelah

42 Senarai berikut adalah pertubuhan yang diharamkan oleh British di Tanah Melayu.

- Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
- Ikatan Pemuda Tanah Air Melayu (PETA)
- Pemuda Radikal Melayu (PERAM)

Mengapakah pertubuhan tersebut diharamkan?

- A Memperjuangkan kerakyatan terbuka
- B Menubuhkan pasukan tentera
- C Meniup semangat kenegerian
- D Memastikan ketenteraman awam

43 Akhbar berikut memaparkan musuh negara pada zaman darurat.



Bagimanakah kerajaan berusaha menangkap musuh tersebut?

- A Membentuk *Home Guard*
- B Menawarkan hadiah wang
- C Menubuhkan *Special Constable*
- D Melaksanakan Rancangan Briggs

[ Lihat halaman sebelah

- 44 Kempen berikut dijalankan oleh Sir Gerald Templar dalam menjayakan rancangan Perang Saraf.

“ memenangi hati dan fikiran rakyat”

Mengapakah kempen tersebut dilancarkan?

- A Melahirkan tentera terlatih
  - B Menubuhkan kampung baru
  - C Menambah keahlian parti politik
  - D Mewujudkan persefahaman antara kaum
- 45 Gambar berikut menunjukkan pihak yang terlibat dalam Pertemuan Baling 1955.



Wakil kerajaan Tanah Melayu



Wakil Parti Komunis Malaya

Mengapakah pertemuan tersebut diadakan?

- A Membincangkan proses pilihan raya
- B Merundingkan pembebasan tawanan
- C Menubuhkan kampung baru
- D Menamatkan darurat

[ Lihat halaman sebelah

46 Jadual berikut merujuk kepada jawatankuasa yang ditubuhkan pada tahun 1949.

<b>Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum</b>	
Pengerusi	Dato' EEC Thuraisingam
Ahli jawatankuasa	Dato' Onn bin Jaafar Tun Tan Cheng Lock Wakil kaum India, Ceylon, Serani dan Eropah

Apakah tugas jawatankuasa tersebut?

- A Mengukuhkan ekonomi negara
- B Menyeragamkan sistem pendidikan
- C Mewujudkan persefahaman rakyat
- D Melahirkan penduduk yang produktif

47 Jadual berikut menerangkan persidangan yang diusahakan oleh pertubuhan politik di Tanah Melayu.

<b>Tarikh</b>	<b>Persidangan</b>
Februari 1954	Parti Negara mengadakan Konferensi Nasional
Ogos 1954	UMNO menganjurkan Konvensi Nasional

Apakah persamaan perkara yang dibincangkan dalam persidangan tersebut?

- I Pilihan raya
  - II Perpaduan kaum
  - III Kemajuan ekonomi
  - IV Kelonggaran syarat kerakyatan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

[ Lihat halaman sebelah

48 Senarai berikut adalah syarat yang dilonggarkan untuk mendapatkan kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu.

- Warga negara British dan koloninya
- Menetap di Tanah Melayu selama 10 tahun daripada 12 tahun secara berturut-turut
- Banyak berjasa kepada Tanah Melayu

Bagaimanakah cara kerakyatan diberikan berdasarkan syarat tersebut?

- A *Jus soli*
- B Naturalisasi
- C Permohonan
- D Kuatkuasa undang-undang

49 Jadual di bawah merujuk kepada perkembangan sistem pendidikan di Tanah Melayu.

Tahun	Laporan Pelajaran Tanah Melayu
1951	Laporan Barnes
1952	Ordinan Pelajaran 1952
1956	Laporan Razak

Apakah persamaan matlamat laporan pelajaran tersebut?

- A Mengukuhkan sekolah vernakular
- B Mempamerkan identiti kaum
- C Memperkaya budaya bangsa
- D Melahirkan semangat perpaduan

[ Lihat halaman sebelah


50 Dialog berikut mungkin berlaku semasa Rundingan London 1956?

Pegawai British	:	Kami bersedia memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu dengan syarat pangkalan tentera kami dikekalkan
Wakil Tanah Melayu	:	Kami setuju dan mahukan konsep raja berperlembagaan dikekalkan

Mengapakah British mengenakan syarat tersebut?

- A Meneruskan sistem perundangan Barat
- B Membentuk perpaduan kaum
- C Menjamin kepentingan ekonomi
- D Mengukuhkan kedudukan Pesuruhjaya Tinggi

51 Rajah berikut menerangkan tugas X di Tanah Melayu.



Apakah X?

- A Suruhanjaya Reid
- B Suruhanjaya Cobbold
- C Jawatankuasa Eksekutif
- D Jawatankuasa Antara Kerajaan

[ Lihat halaman sebelah

52 Jadual berikut menerangkan peristiwa penting yang berlaku di negara kita.

Tarikh/Masa	Peristiwa
31 Ogos 1957 12.00 malam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bendera <i>Union Jack</i> diturunkan</li> <li>• Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan</li> </ul>

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Ekonomi British disekat
- B Negara autokrasi dibentuk
- C Pangkalan tentera asing ditutup
- D Kuasa pemerintahan tempatan dikembalikan

53 Rajah berikut menunjukkan faktor yang menimbulkan Gerakan Antipenyerahan Sarawak.




Apakah X?

- A Warisan budaya terhakis
- B Desakan pelabur Eropah
- C Syarat kerakyatan liberal
- D Bertentangan Perlembagaan 1941

[ Lihat halaman sebelah

54 Garis masa berikut menerangkan perkembangan yang berlaku di Sabah.



Mengapakah langkah tersebut dilaksanakan?

- A Melatih penduduk ke arah berkerajaan sendiri
- B Memupuk perpaduan kaum
- C Mempercepatkan penyerahan negeri
- D Menggalakkan penubuhan parti politik

55 Rajah berikut menunjukkan parti-parti yang menganggotai Perikatan Sabah pada tahun 1962



Mengapakah perikatan tersebut ditubuhkan?

- A Meminda perlembagaan
- B Memenangi pilihan raya
- C Menentang gagasan Malaysia
- D Membantah penyerahan negeri kepada British

[ Lihat halaman sebelah


56 Jadual berikut berkaitan dengan langkah ke arah pembentukan Malaysia.

<b>Penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM)</b>	
Pengerusi	: Donald Stephens (Tun Fuad Stephens)
Ahli	: Tunku Abdul Rahman (Tanah Melayu) Lee Kuan Yew (Singapura) Tun Datu Mustapha Datu Harun (Sabah) Temenggung Jugah Anak Barieng (Sarawak) Datuk Setia Pangeran Ali (Brunei)

Apakah matlamat penubuhan jawatankuasa tersebut?

- A Merangka perlembagaan
- B Meninjau pendapat rakyat
- C Mengadakan pungutan suara
- D Memberi penerangan kepada pemimpin

57 Rajah berikut menerangkan proses mendapatkan pandangan rakyat ke arah pembentukan Persekutuan Malaysia.



Apakah X?

- A Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia
- B Jawatankuasa Antara Kerajaan
- C Suruhanjaya Cobbold
- D Suruhanjaya Reid

[ Lihat halaman sebelah

58 Carta berikut menerangkan rumusan laporan Suruhanjaya Cobbold berkaitan pembentukan Malaysia.



Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan laporan tersebut?

- A Desakan pengaruh luar
- B Penjajahan bentuk baru
- C Keikhlasan dalam penggabungan
- D Kepentingan penduduk diabaikan

59 Jadual berikut menerangkan usaha yang dilakukan pada awal tahun 1960-an.

Tarikh	Peristiwa
Mei 1963	Rundingan tidak rasmi di Tokyo
Ogos 1963	Sidang Kemuncak di Manila
Februari 1964	Persidangan di Bangkok
Jun 1964	Pesidangan di Tokyo

Mengapakah usaha tersebut diambil?

- A Mengadakan hubungan diplomatik
- B Menamatkan konfrontasi
- C Membendung pemberontakan rakyat
- D Mempercepatkan penggabungan negeri

[ Lihat halaman sebelah

60 Jadual di bawah menerangkan tindakan Tunku Abdul Rahman pada tahun 1960-an.

<b>Tindakan Tuanku Abdul Rahman Putra</b>	
<b>Tahun 1961</b> Mencadangkan Singapura bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu	<b>Tahun 1965</b> Mengumumkan Singapura dipisahkan daripada Persekutuan Malaysia

Mengapakah Tunku bertindak sedemikian?

- A Mengatasi krisis ekonomi
- B Menjamin kestabilan negara
- C Mematuhi desakan antarabangsa
- D Menamatkan pertikaian sempadan

**KERTAS SOALAN TAMAT**